



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
NOVEMBER 2004 - APRIL 2005

Adalah dilaporkan bahawa kajian ini yang disediakan

Oleh

ANDY JOHAN B MARZUKI

2002286573

Bertajuk

CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN
GALERI SENI BORNEO di JALAN TUNKU ABD RAHMAN
93500,
KUCHING, SARAWAK

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : Pn Ramlah Binti Awi
Koordinator : Pn Norashikin Binti Abdullah
Ketua Kursus : Pn Ramlah Binti Awi

(Nama)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t , syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat saya menyempurnakan Laporan Projek Akhir bagi Cadangan Merekabentuk Ruang Dalaman Galeri Seni Borneo yang terletak di Jln Tunku Abd Rahman, 93500 , Kuching Sarawak sebagai antara syarat bagi mendapatkan diploma daripada pihak Jabatan Senibina Dalaman, Universiti Teknologi Mara.

Disini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada :

- I. Pn Ramlah Binti Awi selaku penasihat dan penyelia yang telah banyak memberi dorongan, bantuan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan laporan projek akhir ini. Tidak lupa juga kepada Pn Norashikin Abdullah selaku pensyarah dan Koordinator program THESIS (THE 386) yang memberi panduan dan pemantauan yang baik sepanjang semester ini.
- II. En Azizan Nor, En Fakhul Zaman dan Pn Siti Norsazlina Haron selaku koordinator dan panel studio semester 6 yang telah banyak memberi dorongan dan nasihat kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan projek ini.
- III. Pn Rohana selaku Assistant Balai Seni Lukis Negara yang banyak memberi informasi berkenaan Galeri Seni dan segala maklumat dan data berkaitan.
- IV. Kepada ibu bapa yang banyak memberi dorongan dan sokongan

ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman diperingkat diploma adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek proses rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan reka bentuk. Produk pilihan untuk projek ini adalah Galeri Seni Borneo di Jalan Tunku Abd Rahman, 93500 Kuching Sarawak. Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan tarikan pelancongan secara menyeluruh di Borneo. Tujuan utama pengkajian ini adalah untuk memberi pendekatan baru kepada para artisan-artisan muda untuk menjadi pelapis dalam usaha memperkukuhkan seni-seni yang bergiat lama di Borneo. Dengan adanya pendekatan baru ini, ia dapat membuka mata pelancong asing dengan bakat-bakat yang terpendam lama di kalangan masyarakat Borneo. Kaedah pengkajian yang dijalankan terhadap projek ini berdasarkan pemerhatian terhadap pusat seni lukis di negeri lain dan dapat melakukan sebarang pembaharuan bagi kemudahan dan keselesaan para pengguna. Perkembangan semasa Borneo menyaksikan kecenderungan perekabentuk-perekabentuk mengambil bentuk-bentuk tertentu (terutamanya objek tradisional) untuk dijadikan metafora yang digunakan itu selalunya kurang menonjol dan mendapat perhatian di kalangan pelancong. Sebagai sebuah tempat informasi dan inovatif yang berorientasikan kesenian adalah wajar bagi pusat penerangan ini bebas dari kongkongan pemikiran yang demikian. Justeru itu satu perancangan yang teliti telah dibuat sebelum merekabentuk pusat seni lukis ini. Diharap rekabentuk ini memberi manfaat kepada semua samada pelancong asing mahupun rakyat di negara ini.

Judul	i
Perakuan Penyerahan Tesis	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
Isi Kandungan	viii

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENGENALAN	1
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Isu dan Masalah	2
1.2	Objektif Projek	3
1.3	Matlamat Projek	4
1.4	Skop Projek	5
1.4.1	Lobi	6
1.4.2	Kaunter Pertanyaan	6
1.4.3	Ruang Pameran	7
1.4.4	Ruang Audio Visual	7
1.4.5	Bilik Pengurus	7
1.4.6	Bilik Mesyuarat	8
1.4.7	Setor	8
1.4.8	Tandas Lelaki dan Wanita	8
1.5	Faedah kepada Masyarakat	9

BAB1 PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Tesis ini adalah merupakan kursus matapelajaran terakhir bagi syarat penganugerahan Diploma Seni Bina dalaman, Universiti Teknologi Mara. Kursus ini merupakan latihan yang komprehensif tentang seni reka bentuk, dimana pada tahap ini pelajar di kehendaki menyediakan satu skim reka bentuk berdasarkan kajian dan pemerhatian yang sensitif terhadap sesuatu isu ataupun permasalahan rekabentuk.

Galeri Seni Borneo memainkan peranan penting dalam khidmat bermasyarakat dan keharmonian sejagat. Proses itu harus berpijak kepada kenyataan sejarah. Muzium pasti mengalami perubahan samada dari aspek astetikanya mahupun desakan komersial. Para pereka dan kurator baru yang semakin terdedah kepada idea-idea baru yang sudah tentu akan berusaha menetapkan tema - tema baru.